

## Hormatilah Bulan Ramaḍān!

Kini kita telah berada pula di bulan Ramaḍān untuk kesekian kalinya. Dan di bulan yang mulia ini pulalah seluruh umat Islam menunaikan ibadah puasa yang mengandungi perjuangan menentang kemahuan hawa nafsu dan menundukkannya. Bulan Ramaḍān ini telah muncul sebagai bulan yang berkat, bulan yang menentukan kalah menangnya seseorang dalam perjuangan melawan hawa nafsunya, yang akan diakhiri dengan Hari Raya, hari bersuka ria bagi mereka yang benar-benar telah menunaikan puasanya dan hanya mereka sahajalah yang layak merayakannya.

Ibadah puasa adalah salah satu rukun Islam yang lima. Junjungan kita Nabi Muhammad (S.A.W) semasa dalam hayatnya telah berpuasa sembilan kali Ramaḍān, dan selama sembilan kali itu hanya sekali sahaja Baginda berpuasa 30 hari, sedang yang kedelapan kali baginda berpuasa masing-masing hanya 29 hari sahaja.

Tujuan berpuasa itu ialah untuk mengendalikan kemahuan hawa nafsu, yang bererti juga untuk meninggalkan segala keinginan hawa nafsu kerana semata-mata cintakan kepada Allah dan mengharapkan keredaan-Nya. Dari sinilah dapat dirasakan hubungan batin antara manusia dengan Tuhannya atau antara makhluk dengan *Khāliq*nya. Dengan adanya puasa, hawa nafsu dapat dikekang, sehingga dapat dialirkan ke jalan yang sepatutnya. Hawa nafsu tidak berkekekang, ibarat kenderaan bermotor yang tidak ada breknya, yang sewaktu-waktu dapat terbabas di luar kemahuan pemandunya, akhirnya akan membinasakan seluruh penumpang yang ada di dalamnya.

Dalam hubungan ini Nabi (S.A.W) telah menyatakan *al-ṣawmu junnah* ertinya: “Puasa itu adalah pagar.”

Sememangnyaalah yang menjadi musuh paling besar kepada manusia itu ialah hawa nafsu. Kalaupun bukan kerana nafsu yang loba dan tamak tidaklah akan terjadi berbunuh-bunuhan

dan berperang-perangan antara manusia sesama manusia. Dan kalaupun bukan kerana nafsu yang tidak sihat akan terjaminlah keamanan dan perdamaian di dunia ini. Pada hakikatnya nafsu manusia itu tidak merosakkan, asalkan sahaja dia dapat dikekang dan dikendalikan, serta dididik ke arah yang diredai Tuhan. Jika ini dapat dilakukan maka ini pulalah yang menjadi dasar dan tujuan kita mengerjakan ibadah puasa. Dengan demikian maka baharulah manusia itu dapat mempertahankan kemanusiaannya.

Sebenarnya berpuasa itu adalah merupakan latihan jiwa yang menjadikan seseorang keras kemahuan. Dengan berpuasa kebiasaan yang dilakukan sehari-hari telah menjadi berubah. Sarapan yang biasanya dilakukan pada pagi hari telah bertukar di waktu petang. Tidur waktu malam telah dikurangi dengan berjaga untuk mengerjakan sembahyang tarawih dan menderas<sup>1</sup> Qur’an. Dan di pertengahan malam yang sedang enak-enaknya tidur berjaga pula untuk makan sahur, sedang di waktu siang tidak pula ada anjuran supaya meninggalkan kerja-kerja atau memberhentikanannya sama sekali di samping perut berlajar.

Memanglah di permulaan puasa itu segala sesuatunya telah berubah sehingga amat berat untuk menunaikan kerja-kerja yang

<sup>1</sup> Merujuk kepada pederas, satu aktiviti mengulang-ulang bacaan ayat al-Quran secara beramai-ramai. Juga dikenali sebagai tadarus.

biasa. Mungkin semua kerja-kerja ini akan tergendala kalaulah tidak mengingat bahawa diri semasa itu sedang menjalani puasa untuk mendidik jiwa dengan semboyan memerangi kemahuan hawa nafsu. Orang yang berjiwa kecil jualah yang tidak tahan menghadapi ujian, sehingga segala kerja-kerjanya akan ditinggalkan, malah memandang bahawa perbuatan berlapar itu adalah satu perbuatan yang sangat-sangat menakutkan.

Nabi (S.A.W) semasa menyambut puasa bulan Ramaḍān, baginda menyambutnya dengan penuh kesungguhan dan diajaknya ahli rumahnya bersama-sama menyambutnya, dengan memperbanyak kerja kebajikan, serta sedekah dan membaca Qur'an. Sebabnya dianjurkan supaya memperbanyak membaca Qur'an itu ialah kerana ayat yang pertama kali diturunkan kepadanya pada bulan Ramaḍān iaitu pada tanggal 17 – mengikut kebanyakan para ulama. Dan pada bulan Ramaḍān itu setiap malamnya Malaikat Jibrīl turun menemui Nabi (S.A.W) menderas al-Qur'ān bersama-sama baginda – tiap-tiap malam sekali khatam. Ini adalah ajaran yang seyogianya dituruti oleh umatnya untuk menderas atau tadarus al-Qur'ān supaya jangan sampai lupa atau dilupakan oleh umatnya.

Puasa disyariatkan sebagai tanda bersyukur kepada Tuhan atas segala nikmat-Nya yang telah dikurniakan-Nya kepada kita, dan dengan membaca Qur'an seseorang itu dapat mengingat kepada Allah. Mereka yang mengerjakan puasa dengan betul lagi sempurna, adalah menyedari betapa pedihnya lapar dan haus, tak dapat tidak akan berasa insaf untuk berbuat kebajikan sesama manusia dan berbuat pula keadilan sebagai tanda bersyukur kepada Tuhan. Oleh sebab itu hendaklah bulan Ramaḍān yang mulia ini kita sambut dengan bersyukur dan penuh mengingat Allah (*dhikr Allāh*) kerana demikianlah ajaran Islam. Bulan Ramaḍān yang penuh dengan berkat ini merupakan yang sungguh-sungguh istimewa. Kerana pada bulan yang *mubārak* (yang berkat) ini, pintu Syurga terbuka dengan selebar-lebarnya, sedang pintu Neraka pula tertutup

serapat-rapatnya di mana para syaitan terbelenggu tidak dapat melakukan kegiatan-kegiatannya. Ertinya pula bulan Ramaḍān ini, siapa yang berpuasa dan melakukan kebajikan amat besarlah pahala yang akan diperolehnya, ini bererti peluang untuk melakukan maksiat dan kederhakaan terhadap Allah akan terjauh dari dirinya, jadi syaitan yang melihatnya pula menjadi lumpuh kerana terhalang kegiatannya untuk menggoda orang yang mengerjakan puasa itu.

Dalam hubungan ini Nabi (S.A.W.) telah bersabda yang berbunyi:

***Idha<sup>2</sup> jā'a ramaḍānu futtiḥat abwābu al-jannati wa ghulliḡat abwābu al-nāri wa ṣuffidati al-shayāḡin***<sup>2</sup>

Ertinya: “Jika datang bulan Ramaḍān, terbukalah pintu-pintu Syurga dan tertutuplah pintu-pintu Neraka dan terbelenggulah para syaitan.” (Hadith riwayat Muslim).

Bagaimanakah umat Islam di negeri kita menyambut kedatangan Ramaḍān ini? Adakah disambut dengan selayaknya, mengikut petunjuk-petunjuk yang diberikan oleh agama dan menepati dengan peraturan-peraturan yang ditetapkan olehnya? Atau kewajiban puasa itu disambut hanya dengan sambil lewa sahaja, jelasnya hanya puasa ikut-ikutan, puasa hanya sekerat-sekerat, di ujung di tengah dan di pangkal yang selainnya merupakan hari-hari seperti biasa, makan minum seperti biasa, dan yang lebih buruk lagi berterang-terangan menampakkan tidak puasanya – makan minum dengan tidak langsung berselindung dan bersembunyi-sembunyi lagi.

Memang ada setengah-setengah umat Islam yang amat kecil jiwanya, malah amat rendah keperibadiannya telah menodai kesucian agama Islam itu sendiri dengan tingkah lakunya berterang-terangan makan minum, merokok dan sebagainya di khalayak ramai. Tidakkah mereka itu sedar bahawa dengan berbuat demikian bererti mereka telah menghinakan agama mereka

<sup>2</sup> Perkataan sebenar ialah *Idhā*

sendiri, mereka telah menceroob kesuciannya, malah mereka telah menikam perasaan umat Islam dengan menyakitkan hatinya.

Itulah sebabnya Islam sangat memandang berat terhadap umatnya yang terang-terang tidak menghormati puasa. Siapa yang didapati tidak puasa tanpa uzur *shar'ī* hendaklah dikurung dengan tidak diberi makan sampai dia mengerjakan puasa. Adalah suatu yang wajar memberikan hukuman yang berpatutan atau mentakzirkan orang-orang yang tidak berpuasa itu, supaya menjadi contoh dan tauladan kepada yang lain. Meninggalkan puasa dengan menunjukkannya pula di depan ramai adalah merupakan kejahatan. Dan tiap-tiap kejahatan itu mestilah dibasmi, supaya jangan menular pula kepada yang lain. Istimewa pula, jika bukan umat Islam sendiri yang akan mengawal dan menghormati ajaran-ajaran Islam, maka siapakah yang hendak diharapkan? Kita tidak memerlukan orang lain yang akan mengawal dan menjaga kesuciannya, tetapi umat Islam itu sendirilah yang mesti tampil mengawal, menjaga dan menghormatinya, dan kepada umat yang lain yang kita perlukan hanya menghormatinya sahaja.



*Jalāl al-Malik* Faisal, raja bagi 'Arabiyyah Sa'udiyyah sedang disambut oleh Shahanshah, Raja Iran, di dalam lawatannya ke Iran baharu-baharu ini.

---

## *Al-Baqā'u Allāh*

Dengan sedihnya diberitakan bahawa Kiyai Haji Yunus bin Abdul Majid (yang lebih dikenal dengan Kiyai Yunus Palembang) yang berusia 70 tahun lebih seorang ulama yang terkenal di Singapura ini telah kembali ke rahmat Allah Ta'ālā di rumahnya di Baghdad Street, Singapura pada tengahari Selasa 21 Disember 1965.

Almarhum adalah seorang ulama yang banyak pengalaman dan pergaulan dan banyak mengajar agama semenjak dari muda hingga tuanya. Almarhum adalah tempat pihak Qalam selalu meminta penjelasan-penjelasan di dalam perkara-perkara hukum-hukum agama. Almarhum banyak memberi pertolongan dan bantuan terutamanya di dalam perkara yang berhubung dengan pertentangan dan perbahasan agama dan banyak memberi pertunjuk-pertunjuk di dalam perkara ini kepada pihak Qalam.

Dengan meninggalnya almarhum maka hilanglah seorang lagi sinar Islam di Singapura khasnya dan di Tanah Melayu amnya dan diharap Allah akan mencucuri rahmat kepada almarhum dengan limpah kurnia-Nya dan segala amalan almarhum yang baik dan berkebajikan akan diterima Allah – amin.

Kita berharap juga keluarga almarhum akan dikurnia sabar di atas kehilangan yang berharga ini. Kepada pembaca-pembaca Qalam yang membaca berita ini diharap mendedahkan al-Fātiḥah kepada roh almarhum dan berdoa memohon *maghfirah* untuk almarhum.

---

